

28 AUG 2001

JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN DIMINTA KURANGKAN KARENAH BIROKRASI

JASIN, 28 Ogos (Bernama) -- Semua jabatan dan agensi kerajaan diminta supaya mengurangkan karenah birokrasi yang boleh menyebabkan sesetengah pengusaha terutamanya pengusaha kecil menghadapi masalah dan kerugian kerana kelewatan ketika mendapat perkhidmatan daripada kerajaan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid berkata masalah birokrasi itu telah ditegur oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri, dan ia perlu dipatuhi oleh kakitangan kerajaan.

"Apabila pegawai-pegawai kerajaan sendiri perlu turun padang untuk melihat sesuatu projek yang hendak dikendalikan oleh pengusaha kecil, barulah mereka tahu mengenai projek itu dan bukannya hanya menunggu laporannya di pejabat," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan dan melancarkan produk baru keluaran Perusahaan Orang Kampung di Merlimau, hari ini.

Produk baru Perusahaan Orang Kampung itu ialah Jus Tongkat Ali Diet yang tidak bergula untuk kesihatan yang telahpun mula diedarkan di seluruh negara.

Azmi berkata dalam menimbang kelulusan sesuatu projek itu, pegawai kerajaan boleh melihat keutamaan sesebuah syarikat itu dan perlu bersikap proaktif kepada kemajuan pengusaha kecil.

-- BERNAMA

SBS MAI